

UNISEL/PB/500/04/2018(02)

03 April 2018

SEMUA STAF

Universiti Selangor (UNISEL)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Cik/Tuan/Puan

**MEMO BIL. 02/2018 :- PEMBERITAHUAN PEMBEKUAN PROSES KERJA BERKAITAN
TRANSAKSI AKAUN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) PADA SETIAP 25 HARIBULAN**

1.0 TUJUAN

Memo ini adalah sebagai hebahan kepada semua Staf Universiti Selangor (UNISEL) berkaitan dengan proses pembekuan semua urusan transaksi akaun Universiti Selangor (UNISEL) kecuali bagi urusan kos penggajian yang akan berjalan mengikut ketetapan seperti yang telah dijadualkan .

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari perlu membuat penutupan akaun pada setiap akhir bulan. Sehubungan ini, bagi tujuan mengemaskini akaun pada setiap bulan, semua urusan transaksi akaun perlu dibekukan pada setiap 25 haribulan.
- 2.2 Urusan transaksi akaun yang dimaksudkan adalah pemindahan wang daripada Akaun UNISEL kepada Akaun Peribadi Staf, Persatuan, Kelab dan lain-lain yang berkenaan.

3.0 TINDAKAN STAF

- 3.1 Semua staf perlu mengambil maklum berkaitan dengan tarikh yang dinyatakan. Semua proses permohonan berbentuk transaksi kewangan perlu dihantar ke Pejabat Bendahari **sebelum atau pada 25 haribulan pada setiap bulan.**

**PEJABAT KEWANGAN
FINANCE**

Bestari Jaya Campus: Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 3280 5040 / +603 3280 5043 Fax: +603 3289 8255

Shah Alam City Campus: Jalan Zirkon A 7/A, Section 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 5522 3558 / +603 5513 9144 Fax: +603 5513 0957

finance@unisel.edu.my / i_kewangan@unisel.edu.my

**MEMO BIL. 02/2018 :- PEMBERITAHUAN PEMBEKUAN PROSES KERJA BERKAITAN
TRANSAKSI AKAUN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) PADA SETIAP 25 HARIBULAN**

- 02-

- 3.2 Selepas pengeluaran memo ini, semua permohonan berbentuk transaksi kewangan yang diterima selepas pada tarikh 25 haribulan akan diproses pada awal bulan yang berikutnya.

4.0 PERLAKSANAAN

Memo ini akan berkuatkuasa bermula bagi proses penutupan akaun bulan **April 2018**. Pejabat Bendahari tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang bentuk kerugian yang ditanggung oleh pemohon akibat daripada kelewatan penghantaran permohonan berbentuk transaksi kewangan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar ,



ZAITUN BINTI ABD MALEK

Bendahari

Universiti Selangor

s.k : Prof. Dato' . Dr. Mohammad Redzuan Bin Othman, Presiden & Naib
Canselor
Tuan Haji Shamsul Azhar, Pendaftar
Puan Hajah Ruhani Zakaria, Pengarah Pejabat Pentadbiran & Sumber
Manusia